



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

26 Julai 2020

1. Taktik tipu plat guna pen warna biru

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 26 Julai 2020

Media Cetak/Elektronik	Harian Metro Ahad	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	4	
Perkara	Penguatkuasaan	

Taktik tipu plat guna pen warna biru

Pasir Mas: Cubaan dua lelaki menyeludup 20 lembu bernilai RM160,000 di Kampung Jejawi, Jeram Perdah di sini, ditumpaskan Battalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA9), kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA9, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, dalam kejadian pada jam 5.15 pagi itu, anggota menahan sebuah lori berwarna biru dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, anggota memperkenalkan diri sebagai pegawai polis kepada pemandu dan kelindan lori itu sebelum memeriksa dokumen perjalanan serta pengenalan diri.

“Sebaik pemeriksaan dokumen dilakukan, anggota mendapati nombor pendaftaran kenderaan tidak sama seperti yang didaftarkan pada permit terbabit selain dapat mengesan ia dipotong menggunakan dakwat pen berwarna biru.

“Selain itu, dokumen ini tiada cop rasmi dari Jabatan Veterinar negeri Kelantan.

“Malah, akuan mulut pemandu lori mengakui lembu ternakan dalam proses dihantar ke kandang berdekatan di Kampung Jejawi sedangkan di dalam permit ia sepatutnya ke kandang ternakan beralamat di Kampung Limbat, Kota Bharu,” katanya.



LORI digunakan untuk menyeludup lembu yang ditahan anggota PGA9 di Kampung Jejawi, Jeram Perdah.